



IDRIS melepaskan peserta acara sukaneka kanak-kanak.



IDRIS semasa menyampaikan ucapannya.

Langkah proaktif ke arah transformasi

HSN medan cunggkil bakat baharu - Idris

Oleh AZHAR YUSOF

JASIN 9 Okt. - Inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang menganjurkan Hari Sukan Negara (HSN) merupakan langkah proaktif ke arah transformasi dalam menjadikan Malaysia sebagai Negara Bersukan (*Sporting Nation*).

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, menerusi HSN, pelbagai aktiviti sukan dan riadah telah dan bakal dilaksanakan, mencakupi penyertaan di semua

peringkat masyarakat, merentasi umur, bangsa, akademik dan agama.

Menurutnya, ia melibatkan semua Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Parlimen, daerah, negeri, sekolah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT), agensi kerajaan dan swasta.

"Di Melaka, kita menyasarkan penyertaan seramai 174,000 orang atau 20 peratus daripada jumlah penduduknya bagi menjayakan sambutan

HSN ini.

"Saya percaya, di sinilah tempat terbaik untuk kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri mencungkil bakat baharu untuk penyediaan atlet Melaka di Kejohanan Sukan Malaysia yang akan datang.

"Kemenangan demi kemenangan perlulah dikecapi demi enhancement nama Melaka seperti mana kejayaan satu-satunya *The Speedy Jartan* yang telah berjaya menaikkan nama Melaka pada SUKMA Sarawak yang lalu.

"Saya percaya, kecermerlangan dalam sukan adalah satu-satunya cara bagi sesebuah negeri atau negara meningkatkan imej dan mendapat pengiktirafan.

"Atau perhatikan di mata dunia, melahirkan atlet cemerlang merupakan kebanggaan, aset dan duta kepada sesebuah negeri atau negara, tegas Idris.

Malah jelasnya, per-



ACARA memotong reben sebagai glnk perasmian Sambutan HSN 2016 Peringkat Negeri Melaka.

capaian atlet atau sukan di sesebuah negara sebagai petunjuk kepada pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh negara tersebut.

"Kerajaan negeri sentiasa menyokong dan menggalak sebarang usaha ke arah melahirkan atlet-atlet yang mencapai prestasi sukan paling tinggi," katanya.

Idris berkata demikian kepada media selepas melancarkan Sambutan Hari Sukan Negera (HSN) Peringkat Negeri Melaka di Stadium Mini Jasin di sini,

Sabtu lalu.

Hadir sama, isteri Idris, Datin Seri Fadilah Abdullah; Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Wira Ohman Muhamad dan isteri, Datin Wira Halimah Bah; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Naim Abu Bakar dan isteri, Datin Wira Rafעה Hanin Johari dan Exco Kesihatan, Pembangunan Sukan dan Ariti Dada, Datuk Ab. Rahaman Ab. Karim.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jasin, Datuk Wira Ahmad Hamzali,

Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri, ADUN-ADUN, ketua-ketua jabatan serta hampir 10,000 warga Melaka.

Lebih 40 acara telah diadakan sempena Sambutan HSN 2016 Peringkat Negeri Melaka bermula seawal jam 7 pagi. Antaranya, Kejohanan Bola Sepak Perpaduan Bawah 12 Tahun Pala Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi; tartan zumba, kayuhan santai, jambori perkhemahan, karnival sukan tradisional, sukan ekstrem dan pelbagai lagi.



IDRIS turut menyertai acara sepakraga bulatan.



SEBAHAJIAN hadirin turut sama menyertai tarlan zumba.



BARISAN kenamaan serta jawatankuasa penganjur bergambar kenangan.